KEMENTERIAN KEWANGAN
Wisma Kewangan
88593 Kota Kinabalu
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-251513/251514/251516
Faks: 088-237605
Website: www.mof.sabah.gov.my

**Tel.** : 088-252692
**Bil.** : KEW400-0/5 Klt. 2 ( 78 )
**Tarikh** : 06 September 2010

Jabatan Ketua Menteri

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pentadbiran)

Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan)

Semua Setiausaha Tetap

Semua Ketua Jabatan

Semua Pegawai Daerah

Semua Penolong Pegawai Daerah
Pejabat Daerah Kecil

Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**Pekeliling Kementerian Kewangan Bil. 13/2010**
**Sistem Bayaran Pukal Bil. Telefon Syarikat Telekom Malaysia**

1. Tujuan

1.1. Tujuan Pekeliling ini ialah untuk memaklumkan kaedah bayaran tunggakan dan bayaran semasa bil telefon Syarikat Telekom Malaysia.

2. Pelaksanaan Bayaran Tunggakan Bil Telefon

2.1. Memandangkan bahawa masih ada tunggakan bil. telefon walaupun Sistem Bayaran Pukal telah dilaksanakan maka bayaran bil telefon yang tertunggak hendaklah dibayar seperti berikut:-

(a) Bil telefon yang dikeluarkan pada atau sebelum 30 Jun 2010 dan belum dijelaskan bayaran adalah dianggap sebagai tunggakan;

.../2

MOODY INTERNATIONAL
STANDARDS MALAYSIA
Rgn No : Q833188

(b) Pihak Syarikat Telekom Malaysia akan mengemukakan bil-bil tersebut kepada semua Kementerian/Jabatan yang ada tunggakan. Bil-bil telefon yang telah disemak dan diperakui oleh Ketua Jabatan bahawa bil-bil tersebut belum lagi dibayar hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Kewangan untuk bayaran.

3. Bayaran Bil Telefon Semasa

3.1. Bil. Telefon semasa adalah bil yang dikeluarkan pada 01 Julai 2010 dan bil yang dikeluarkan selepas tarikh tersebut.

3.2. Bil telefon semasa hendaklah dibayar segera. Pekeliling Jabatan Bendahari Negeri JBN No. (A)14345 (14) bertarikh 10 November 2000 yang masih berkuatkuasa adalah terpakai untuk bayaran bil telefon semasa.

4. Pekeliling ini berkuatkuasa dengan SERTA MERTA.

Sekian, terima kasih.

' BERKHIDMAT UNTUK NEGARA DENGAN BERSIH, CEKAP DAN AMANAH '

( DATUK PG. HASSANEL DATUK PG. HJ. MOHD. TAHIR )
Setiausaha Tetap

S.k. Setiausaha Kerajaan Negeri
Tingkat 6, Wisma Innoprise
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88817 KOTA KINABALU.